

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB KASTHURIRAANI A/P PATTO**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**YB KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kad laporan pihak Kerajaan dan usaha yang diambil untuk melobi tempat di UN Human Rights Council.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah berjaya menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) bagi penggal 2022–2024 setelah dipilih melalui pengundian yang diadakan semasa Sesi ke-76 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York pada Khamis, 14 Oktober 2021.

3. Antara usaha–usaha melobi yang telah dijalankan oleh negara sehingga mencapai kejayaan tersebut adalah mengadakan sesi libat urus dengan masyarakat sivil tempatan dalam memberi penerangan mengenai ikrar dan komitmen yang akan dilakukan oleh Malaysia semasa menganggotai MHAM. Sesi libat urus tersebut juga bertujuan mengumpulkan maklum balas mengenai perkara–perkara yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam menambahbaik situasi hak asasi manusia dalam negara.

4. Malaysia turut menyertai sesi libat urus di peringkat antarabangsa dengan menyertai program yang dianjurkan secara maya oleh *International Service for Human Rights* (ISHR) dan *Amnesty International* pada 8 September 2021. ISHR yang berpangkalan di New York dan Geneva, manakala *Amnesty International* yang berpangkalan di United Kingdom, merupakan masyarakat sivil yang menumpukan usaha dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di peringkat antarabangsa.

5. ISHR dan Amnesty International telah menyediakan kad laporan (*scorecard*) bagi setiap Negara yang bertanding untuk MHAM. Kad laporan tersebut menyediakan perbandingan objektif seimbias lalu antara negara–negara calon dengan memberi tumpuan kepada kerjasama yang diberikan oleh setiap negara calon kepada mekanisme MHAM, sokongan

mereka terhadap masyarakat sivil dan penglibatan mereka dengan badan-badan triti PBB dan Pemegang Mandat Prosedur Khas (SPMH).

6. Kad laporan tersebut dibangunkan sebagai salah satu mekanisme untuk masyarakat sivil turut serta memberi penilaian ke atas calon MHAM. Walau bagaimanapun, pihak ISHR mengakui terdapat kekangan di dalam penyediaan kad laporan tersebut, antaranya kekangan data dan maklumat lengkap yang menyebabkan kriteria kad laporan ini adalah ringkas dan tidak menyeluruh. Bagi Malaysia, kad laporan tersebut menjadi rujukan mengenai perkara-perkara yang masih perlu diberikan penekanan oleh negara dalam memperbaiki pengendalian perihal hak asasi manusia dalam negara, daripada kacamata masyarakat madani di peringkat antarabangsa.

7. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memandangkan pemilihan calon MHAM dilaksanakan di antara negara-negara anggota PBB, usaha-usaha melobi yang dilakukan oleh Malaysia lebih tertumpu kepada aktiviti untuk mendapatkan sokongan setiap negara ahli, sama ada secara langsung atau timbal balas (*quid pro quo*). Usaha melobi ini telah dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri dengan diketuai oleh YB Menteri Luar Negeri, serta Perutusan Tetap Malaysia ke PBB di New York dan Geneva dan Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara.

8. Pemilihan Malaysia ke MHAM merupakan bukti pengiktirafan dan keyakinan negara-negara anggota terhadap usaha dan peranan Malaysia dalam membina kesepakatan serta menyumbang terhadap kemajuan hak asasi manusia diperingkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai projek-projek yang telah dirancang oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) bagi kawasan Parlimen Sungai Siput.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebanyak 7 projek telah diluluskan untuk pelaksanaan di Parlimen Sungai Siput, Perak pada tahun 2021 dengan peruntukan sebanyak RM9.56 juta. Ia melibatkan 3 projek baharu dan 4 projek sedia ada.
2. Bagi tahun 2022, Parlimen Sungai Siput telah diperuntukkan sebanyak RM13.95 juta bagi melaksanakan 3 projek baharu dan 4 projek sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN:**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan apakah kesan pelan pemulihan ekonomi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ke atas tahap pendapatan isi rumah di seluruh negara dan apakah statistik berkenaan untuk setiap negeri.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 telah memberi impak ketara terhadap sektor sosial dan ekonomi di seluruh dunia termasuk Malaysia. Kebanyakan negara terkesan dari krisis kesihatan dan ekonomi berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah utama bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia telah menguncup sebanyak 5.6% pada tahun 2020.

2. Sebagai Kerajaan yang prihatin, kerajaan telah melaksanakan strategi Pemulihan Ekonomi Negara 6R dengan tumpuan untuk melindungi kehidupan rakyat, kelangsungan perniagaan dan menjana ekonomi terutama bagi mendepani pandemik COVID-19. Lapan pakej rangsangan ekonomi dengan jumlah sebanyak RM530 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi membantu rakyat meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh mencabar ini. Antara lain, termasuk:

- Moratorium pembayaran pinjaman memanfaatkan lebih daripada 7 juta peminjam individual dan PKS;
- Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang merupakan pemberian tunai telah memanfaatkan hampir 11 juta penerima;
- Program subsidi upah yang bertujuan untuk mengekalkan pekerjaan telah memanfaatkan lebih daripada 2.5 juta pekerja dan lebih daripada 300 ribu majikan;
- Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan memanfaatkan kira-kira 140 ribu pekerja; dan
- Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran memanfaatkan 150 ribu individu.

3. Melalui Bajet 2021, Kerajaan meneruskan agenda meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan pemberian bantuan kepada rakyat

khususnya golongan yang mudah terjejas termasuk kumpulan B40. Antara bantuan yang diberikan termasuk:

- Bantuan PRIHATIN Rakyat (BPR) dahulunya dikenali sebagai BSH dengan bantuan kewangan sehingga RM1,800; dan
- Perlindungan MySalam dan Program Pengangkutan Awam di bawah My30.

4. Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada tahun 2020, pendapatan bergaji dan bekerja sendiri yang merupakan punca utama pendapatan isi rumah masing-masing telah mencatatkan penurunan sebanyak negatif 16.1 peratus dan negatif 9.7 peratus. Walau bagaimanapun, pendapatan isi rumah daripada pindahan semasa yang diterima telah meningkat 14.4 peratus dan menyumbang 10.6 peratus kepada jumlah pendapatan isi rumah pada tahun 2020. Peningkatan pindahan semasa yang diterima ini yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh pakej rangsangan yang disediakan oleh kerajaan dan pelbagai bantuan yang disalurkan bagi membantu meringankan beban kewangan isi rumah.

5. Melalui Bajet 2022 yang telah dibentangkan pada 29 Oktober lalu, bantuan seperti pindahan tunai dan sokongan penjagaan kesihatan akan terus disediakan berdasarkan keperluan. Program kebajikan produktif seperti keusahawanan dan pembiayaan mikro akan dipergiat untuk menyediakan peluang ekonomi kepada isi rumah miskin.

6. Bagi strategi jangka sederhana dan panjang di bawah RMKe-12, Kerajaan juga akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan terutamanya isi rumah miskin dalam kalangan B40 termasuk: menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan; menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan; menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan; dan meningkatkan sistem perlindungan sosial.

Sekian, terima kasih.